

Institut Pengurusan Singapura (SIM) bakal membuka sekolah antarabangsa pertamanya yang dipanggil Akademi Antarabangsa SIM. Wartawan **SHAHIDA SARHID** (sshahida@sph.com.sg) meninjau apakah antara kurikulum khas yang disediakan bagi pelajar yang mengikuti pengajian di institusi itu kelak.

Akademi baru SIM bantu pelajar berfikir secara kritikal

DALAM era maklumat baru yang didorong teknologi, adalah penting buat pelajar membangunkan keupayaan berfikir secara kritikal, mempunyai kemahiran tinggi dalam ilmu sains dan mampu mengaplikasikan teknologi dengan cara bermakna.

Atas dasar itulah, pendekatan pedagogi STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) telah dimanfaatkan Akademi Antarabangsa Institut Pengurusan Singapura (SIM) – sekolah antarabangsa pertama di bawah penyedia pendidikan swasta terkenal itu khusus bagi golongan belia, menjelang September ini.

Pengetuannya, Encik Bala Murugan K, menjelaskan kurikulum STEM digunakan bagi memastikan pelajar dapat meningkatkan kemahiran berfikir, menunjukkan kobolehan proses rekaan asas selain mengaplikasikan kemahiran dalam menghuraikan masalah.

“Dalam pendidikan tinggi sekarang, lebih banyak penekanan terhadap mengaplikasikan apa yang dipelajari seperti mengenal pasti dan menyelesaikan masalah menggunakan protokol rekaan.

“Justeru adalah penting untuk memulakannya awal di kalangan pelajar kerana ia kritikal bagi kejayaan mereka pada kemudian hari,” ujarnya.

Akademi Antarabangsa SIM telahpun mula menerima permohonan bagi kohort pertama pelajar mereka iaitu sehingga 90 orang bermula September ini.

Ia akan menawarkan pendidikan peringkat menengah yang kemudian akan dilanjutkan kepada Sijil Pendidikan Menengah Am Antarabangsa (IGCSE), sama seperti peperiksaan GCE peringkat ‘O’.

Diharapkan, kebanyakan pelajar ini akan meneruskan pengajian mereka ke Pendidikan Global SIM (SIM GE) selepas tamat pengajian di akademi itu kelak.

Mereka kemudian boleh meneruskan pengajian mereka dengan

SIM, seperti mengikuti Pembelajaran Asas Pengurusan SIM bagi mempersiapkan mereka bagi program diploma SIM.

Mereka juga, selepas itu, boleh melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah dengan salah satu daripada 10 rakan kongsi universiti luar negara SIM GE.

Memandangkan SIM GE mempunyai reputasi kukuh di kalangan pelajar asing di rantau ini, Encik Murugan telah menyatakan sebelum ini bahawa “langkah logik seterusnya” ialah untuk menarik pelajar ini ke keluarga SIM pada usia lebih muda.

Yuran bagi pelajar sekolah antarabangsa ini ialah sekitar \$25,000 setahun dengan kelas diadakan di kampus SIM di Clementi Road.

Di samping itu, bagi subjek ilmu kemanusiaan, pendekatan antara disiplin akan digunakan untuk membantu pelajar dalam memahami evolusi manusia dan budaya serta persekitaran fizikal.

“Pelajar akan meninjau isu yang menjejaskan masyarakat seperti kependudukan, demografik, penghijrahan, konflik dan penggunaan sumber dan sekitaran.

“Contoh dari Asia juga akan digunakan,” kata Encik Murugan yang merupakan bekas pengetua Sekolah Menengah Pasir Ris Crest dan Sekolah Menengah Tampines.

Akademi itu sedang sibuk mempromosi institusinya di pasaran utama di Asia Tenggara seperti Vietnam dan Indonesia serta China dan Korea Selatan.

Rakyat bukan Singapura, sama ada mereka tinggal di sini atau negara lain, layak memohon tempat di Akademi Antarabangsa SIM.

Tarikh tutup bagi kohort pertama ialah 15 Julai. Akademi ini merupakan anggota terbaru SIM Group.

Entiti lain termasuk SIM GE, Pembangunan Profesional SIM dan Platform E, yang merupakan sistem eko keusahawanan SIM bagi memupuk “start up” atau firma baru di Singapura.



PENGAJIAN HOLISTIK: Menurut pengetua Encik Murugan K (kiri), pelajar yang mengikuti pengajian di Akademi Antarabangsa Institut Pengurusan Singapura (SIM) akan dapat meraih manfaat sistem akademik yang berstruktur dan pengalaman kesukanan yang menyeluruh di bawah didikan Ketua Subjek Sains Sukan, Encik Romi Musa. – Foto ZAINAL YAHYA

Peluang sertai pelbagai permainan berpasukan

SELAIN unsur akademik, pelajar yang mengikuti pengajian di Akademi Antarabangsa Institut Pengurusan Singapura (SIM) boleh juga menikmati pelbagai program lain termasuk Sains Sukan.

Pelajar akan dapat melakukan pelbagai permainan berpasukan seperti bola jaring, floorball, bola tampar serta pelbagai aktiviti fizikal lain yang menguji ketangkasan seseorang seperti olahraga dan kecergasan bandar (urban fitness).

Semua ini, yang terangkum dalam kurikulum Sains Sukan, merupakan sebahagian program STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) sekolah tersebut.

Meskipun Sains Sukan tidak ditawarkan sebagai subjek peperiksaan, ia tetap akan mengetengahkan sesi teori dan praktikal kepada pelajar bagi meningkatkan lagi pemahaman mereka dalam hal berkaitan sukan, permainan dan aktiviti fizikal.

Ketua Subjek Sains Sukan, Encik Romi Musa, berkata kurikulum sains sukan ini merangkumi tiga elemen utama.

“Pengetahuan sains tentang pergerakan manusia dan manfaat kesihatan bagi aktiviti fizikal yang sewajarnya, mengajar kemahiran menerusi pendekatan saintifik dengan menyelitkan unsur teknologi serta sains sebagai seni yang menawarkan peluang kepada pelajar terus memperbaiki prestasi mereka dalam permainan dan aktiviti fizikal,” ujarnya.

Encik Romi yang pernah mengajar pendidikan jasmani di Institusi Raffles selama lebih 10 tahun menambah bahawa selama ini subjek pendidikan jasmani telah banyak berubah.

Dari sekadar permainan secara asas, ia kini mengambil pendekatan lebih teknikal dan berkonsep.

“Etika dan nilai kini adalah lebih penting ekoran pendidikan jasmani yang secara tidak langsung menawarkan antara platform terbaik bagi pembangunan holistik pelajar,” ujarnya lagi.